



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 June 2015

## MIC perlu campur tangan PM

um - 22/6/2015

**KUALA LUMPUR 21 Jun** - Naib Presiden MIC, Datuk M. Saravanan menyangkal kenyataan Presiden parti itu, Datuk Seri G. Palanivel yang mengatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak seharusnya campur tangan dalam krisis kepemimpinan yang melanda parti tersebut.

Sebaliknya, Saravanan mendakwa, Palanivel yang tidak perlu lagi mencampuri urusan parti kerana beliau bukan lagi ahli MIC.

Menurutnya, keahlian Palanivel terlucut secara automatik apabila beliau mencabar keputusan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dengan membawanya ke mahkamah.

"Sebenarnya kita kecewa apabila tiada campur tangan daripada Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) kerana parti memerlukannya untuk membantu menyelamatkan dan menyelesaikan kemelut yang melanda.

"Kita telah beri banyak masa kepada Palanivel untuk menyelesaikannya, bagaimanapun beliau

dilihat tidak mampu berbuat demikian dan seakan-akan bermain tarik tali kerana membiarkan ahli tertanya adakah akan ada pemilihan baharu parti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Palanivel yang menuduh campur tangan Najib menyebabkan berlakunya kemelut kepemimpinan MIC di Hari Yoga Antarabangsa di sini hari ini.

Dalam pada itu, Saravanan yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan tetap bertegas pemilihan Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC sesi 2009 sebenarnya sudah selesai jika tiada halangan daripada Palanivel.

"Kini, kita sedang meminta peguam melihat semula jika Palanivel telah menghina mahkamah kerana surat mahkamah telah mengesahkan surat-surat ROS yang menyatakan pelantikan Setiausaha Agung atau mana-mana jawatan tidak boleh dibuat sebelum masalah ini selesai," katanya.